

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 OGOS 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 26

TERAJU aktifkan aplikasi myTPB2030

TERAJU aktifkan aplikasi myTPB2030

Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) mengaktifkan platform aplikasi pusat sehenti layan diri Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) bagi membantu syarikat pelaksana Bumiputera berpotensi.

Pengerusi TERAJU, Datuk Dr Abd Latiff Ahmad, berkata platform yang dikenali sebagai myTPB2030 itu membolehkan syarikat pelaksana Bumiputera mendapat maklumat dan penawaran terkini daripada TERAJU dan pihak lain pada bila-bila masa.

Beliau berkata, aplikasi itu turut memaparkan proses permohonan dan kelulusan pada masa sebenar yang memudahkan syarikat pelaksana merujuk kepada garis masa implementasi dengan pantas dan selamat.

Platform utama TPB2030

"Platform ini akan digunakan sebagai platform pengoperasian utama TPB2030 oleh pihak TERAJU dengan sokongan pihak

Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera (UPAB) di kementerian, selain syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat berkaitan pelaburan kerajaan (GLIC) yang terbabit.

"Kelestarian syarikat Bumiputera juga diberi penekanan penting menerusi pemetaan syarikat pelaksana dalam rantaian nilai industri, cadangan penggabungan dan pengambilalihan, serta penyenaraian awam syarikat berpotensi," katanya dalam satu ke-

nyataan.

Terdahulu, beliau yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas) memperkenasikan Sesi Pelaporan Suku Tahun Kedua TPB2030 kepada pemegang taruh pemain industri di Ibu Pejabat TERAJU di Putrajaya.

TERAJU pembangun naskhah
Sesi pelaporan berkenaan turut memberi makluman mengenai status terkini pelaksanaan UPAB

yang kini berada pada fasa akhir.

"TERAJU selaku pembangun naskhah TPB2030 dan pemudah cara akan membantu industri yang sudah dikenal pasti di bawah Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA), Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETA) dan disokong oleh Bidang Keutamaan (PA) melalui intervensi strategik, serta sokongan melalui rangkaian ekosistem TERAJU dengan rakan kolaborasi bermandat Bumiputera.

"Pelaporan berkala ini adalah bukti ketelusan dan integriti kerajaan dalam mengemudi hala tuju sedekad TPB2030," katanya.

Dalam sesi sama, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Mastura Mohd Yazid turut hadir membincangkan komitmen pihak GLC dan GLIC dalam me-realisasikan visi TPB2030, sekali gus menyelaras hala tuju 10 tahun pemerkasaan agenda Bumiputera.

 Platform yang dikenali sebagai myTPB2030 itu membolehkan syarikat pelaksana Bumiputera mendapat maklumat dan penawaran terkini daripada TERAJU dan pihak lain pada bila-bila masa.

*Abd Latiff Ahmad,
Pengerusi TERAJU*

